

25 MAY 1996

YONG TECK LEE TEMUI DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 25 Mei (Bernama) -- Presiden Parti Progresif Sabah (SAPP) Datuk Yong Teck Lee hari ini menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya di sini.

Yong dilihat meninggalkan pejabat Perdana Menteri pada pukul 9.15 pagi.

Para pegawai Jabatan Perdana Menteri berkata Yong dan Dr Mahathir bertemu kira-kira 20 minit tetapi tidak memberitahu perkara yang dibincangkan dalam perjumpaan itu.

Dr Mahathir yang baru kembali daripada lawatan 12 hari ke Jepun, Amerika Syarikat dan Britain semasa ditemui di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah semalam berkata Yong akan dilantik sebagai Ketua Menteri Sabah minggu depan.

Yong akan menggantikan Datuk Salleh Said Keruak daripada UMNO di bawah sistem penggiliran yang dipersetujui oleh Barisan Nasional semasa pilihanraya 1994. -- BERNAMA

HS NJ